

<b>Headline</b>	<b>Ladang solar Kedah siap September</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian (Utara)</b>		
<b>Date</b>	<b>18 Jan 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>2,223</b>	<b>Readership</b>	<b>6,669</b>
<b>Section</b>	<b>Berita</b>	<b>Page No</b>	<b>58</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>338 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>Petah Wazzan</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 23,329</b>		


**PROJEK BERSKALA BESAR**

# Ladang solar Kedah siap September

➔ Usaha selaras hasrat MESTECC pertingkat tenaga boleh diperbaharui sehingga 20 peratus: Mukhriz

**Oleh Petah Wazzan Iskandar**  
wazzan@nsp.com.my

► Pokok Sena

**P**rojek suria berskala besar dengan keupayaan menghasilkan 274,002 Megawatt-jam (MW) bagi tempoh 21 tahun dijangka siap dibina di Kampung Bendang Perang, di sini, hujung September tahun ini.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata ia adalah projek berskala besar pertama di Kedah menerusi skim Suria Berskala Besar Kedua (LSS2) yang dibina di atas kawasan seluas 8.9 hektar membatikan kapasiti 5.99 MegaWatt.

Katanya, projek itu akan dibangunkan syarikat Jentayu Solar Sdn Bhd (JSSB) yang mendatangkan Perjanjian Pembelian Tenaga Solar (SPPA) dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada Mac 2018, pada tarif 38.90 sen/kWh.

"Pembangunan ini selaras hasrat

Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) yang mahu meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui semasa sebanyak dua peratus hingga 20 peratus pada 2025.

**Sokong objektif kementerian**

"Pembinaan projek ladang solar adalah langkah bagi menyokong objektif kementerian, malah kerajaan negeri memberi jaminan akan berusaha menyediakan fasiliti terbaik untuk menggalakkan industri tenaga solar ini."

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir, berkata ia adalah projek berskala besar pertama di Kedah menerusi skim Suria Berskala Besar Kedua (LSS2) yang dibina di atas kawasan seluas 8.9 hektar membatikan kapasiti 5.99 MegaWatt.

"Ia adalah projek yang memberi manfaat besar kepada ekonomi, kebajikan, produktiviti, alam sekitar dan kesejahteraan rakyat negeri ini," katanya selepas majlis pecah tanah di Kampung Bendang Perang, di sini, semalam.

Yang turut hadir, pemegang saham JSSB, Tan Sri Tunku Puteri Intan Safinaz Sultan Abdul Halim serta Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim dan



ia adalah projek yang memberi manfaat besar kepada ekonomi, kebajikan, produktiviti, alam sekitar dan kesejahteraan rakyat negeri ini"

**Mukhriz Mahathir,**  
Menteri Besar Kedah

Pengarah JSSB, Tunku Datin Myra Madiah Tunku Mudzaaffar.

Sementara itu, Intan Safinaz berkata, projek terbabit akan dibina dalam masa terdekat dan akan beroperasi 28 September tahun ini.

"Tempoh pembinaan dijangka mengambil masa sembilan bulan sebelum ia dapat beroperasi dan membekalkan tenaga elektrik kepada TNB," titahnya.

Terdahulu, dalam ucapan sebelum perasmian, Myra Madiah berkata, pihaknya berbangga apabila JSSB mampu menyumbang kira-kira 20 peratus tenaga yang boleh diperbaharui negara, sekali gus menyumbang kepada pembangunan Kedah.

"Projek ini juga dapat memastikan agenda MESTECC mencapai objektif sambil menjana tenaga elektrik yang mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga sebanyak 548,004 unit rumah kediaman jika setiap isi rumah mempunyai purata penggunaan tenaga harian sebanyak 500 kWh," katanya.